



# GARIS PANDUAN BAGI SEMAKAN LUARAN BON HIJAU, BON SOSIAL DAN BON LESTARI

JUN 2018

# Garis Panduan bagi Semakan Luaran

---

[Prinsip Bon Hijau \(GBP\)](#), [Prinsip Bon Sosial \(SBP\)](#) dan [Garis Panduan Bon Lestari \(SBG\)](#) (secara kolektif, "Prinsip-Prinsip") menyarankan agar, berhubung dengan terbitan Bon/Program Hijau, Sosial atau Lestari, penerbit melantik penyedia semakan luaran untuk mengesahkan kesejajaran bon atau program bon mereka dengan empat komponen teras Prinsip-Prinsip.

Garis Panduan bagi Semakan Luaran ini bertujuan untuk menggalakkan amalan terbaik. Ia melengkapi Prinsip-Prinsip dan garis panduan sedia ada seperti Rangka Kerja Jaminan bagi Piawaian Bon Iklim, Garis Panduan bagi Penilaian Pelaksanaan dan Perakuan Bon Hijau (Interim) yang diterbitkan secara bersama oleh People's Bank of China dan Suruhanjaya Kawal Selia Sekuriti China, draf Piawaian Bon Hijau EU dikeluarkan oleh Kumpulan Pakar Tahap Tinggi (HLEG) ke atas Kewangan Lestari, dan Piawaian Bon Hijau ASEAN. Ia menyediakan panduan sukarela berhubung piawaian profesional dan etika bagi penyemak luaran, serta mengenai penyusunan, kandungan dan penzahiran bagi laporan mereka. Ia telah dibangunkan sebagai usaha bersama antara Jawatankuasa Eksekutif Prinsip bersama rundingan dengan kumpulan penyemak luaran yang menerajui pasaran, dengan sokongan Sekretariat ICMA.

Garis Panduan sukarela ini merupakan inisiatif dari pihak pasaran dan bertujuan untuk menyediakan maklumat dan ketelusan mengenai proses semakan luaran bagi penerbit, penaja jamin, pelabur dan pihak berkepentingan lain. Ia mewakili pandangan konsensus semua pihak yang terlibat dan akan dikemas kini secara berkala dengan mengambil kira maklum balas daripada penyemak luaran bersama rundingan dengan ahli Prinsip-Prinsip dan komuniti pemerhati.

## Jenis-jenis Semakan Luaran

---

Terdapat pelbagai kaedah bagi penerbit memperoleh input luar bagi proses Bon Hijau, Bon Sosial atau Bon Lestari dan terdapat beberapa tahap dan jenis semakan yang boleh disediakan untuk pasaran. Semakan luaran bebas mungkin berbeza dari segi skop dan mungkin menyasarkan rangka kerja/program Bon Hijau; terbitan Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari individu; dan/atau aset pendasar dan/atau prosedur. Secara umumnya, ia dikategorikan kepada jenis-jenis berikut, dengan sesetengah penyemak luaran menawarkan lebih daripada satu jenis perkhidmatan, sama ada secara berasingan atau gabungan:

**1. Pendapat Pihak Kedua:** Institusi dengan kepakaran alam sekitar/sosial/kelestarian, yang bebas daripada penerbit boleh memberikan Pendapat Pihak Kedua. Institusi tersebut hendaklah bebas daripada penasihat yang digunakan oleh penerbit bagi rangka kerja Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari, atau prosedur yang sewajarnya seperti sekatan maklumat, telah dilaksanakan dalam institusi tersebut untuk memastikan Pendapat Pihak Kedua yang bebas.

Pada kebiasaan, Pendapat Pihak Kedua melibatkan penilaian ke atas kesejajaran dengan Prinsip. Secara khususnya, ia termasuk penilaian ke atas objektif, strategi, dasar penerbit dan/atau proses berhubung dengan kelestarian alam sekitar dan/atau sosial, dan penilaian ke atas ciri-ciri alam sekitar dan/atau sosial bagi jenis projek yang dihasratkan bagi Penggunaan Hasil Kutipan.

**2. Pengesahan:** Penerbit boleh memperoleh pengesahan bebas terhadap set kriteria yang ditetapkan, biasanya berkaitan dengan proses perniagaan dan/atau kriteria alam sekitar/sosial/kelestarian.

Pengesahan mungkin bertumpu kepada kesejajaran dengan piawaian dalaman atau luaran atau tuntutan yang dibuat oleh penerbit. Penilaian ke atas ciri-ciri kelestarian alam sekitar atau sosial aset pendasar juga boleh dianggap sebagai pengesahan dan boleh merujuk kepada kriteria luaran. Jaminan atau pembuktian berhubung kaedah pemantauan dalaman penerbit bagi penggunaan hasil kutipan, peruntukan dana daripada hasil kutipan Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari, penyata impak alam sekitar dan/atau sosial atau kesejajaran pelaporan dengan Prinsip, juga boleh dianggap sebagai pengesahan.

**3. Perakuan.** Penerbit boleh meminta Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestarinya atau rangka kerja Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari berkaitan atau Penggunaan Hasil Kutipan diperakui menurut piawaian atau label penilaian hijau/sosial/kelestarian luaran yang diiktiraf. Piawaian atau label penilaian mentakrifkan kriteria yang khusus, dan kesejajaran dengan kriteria tersebut biasanya diuji oleh pihak ketiga yang layak dan bertauliah, yang mungkin mengesahkan keseragaman dengan kriteria perakuan.

**4. Penskoran/Penarafan Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari:** Penerbit boleh meminta agar Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestarinya, rangka kerja Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari berkaitan atau ciri utama seperti Penggunaan Hasil Kutipan dinilai oleh pihak ketiga yang berkelayakan, seperti penyedia penyelidikan khusus atau agensi penarafan, menurut metodologi penskoran/penarafan yang telah diiktiraf. Hasilnya mungkin bertumpu kepada data prestasi alam sekitar dan/atau sosial, perbandingan proses dengan Prinsip, atau penanda aras lain, seperti senario perubahan dalam iklim sebanyak 2 darjah. Penskoran/penarafan sedemikian adalah berlainan daripada penarafan kredit, meskipun begitu, ia boleh mencerminkan risiko alam sekitar yang material.

Prinsip-Prinsip menerima bahawa Semakan Luaran mungkin dibuat secara tidak menyeluruh, meliputi hanya sesetengah aspek Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari penerbit atau rangka kerja yang berkaitan, atau secara menyeluruh, dengan menilai kesejajaran terhadap semua empat komponen teras Prinsip-Prinsip. Prinsip-Prinsip mengambil kira bahawa penentuan masa semakan luaran mungkin bergantung kepada jenis semakan, dan penerbitan semakan tersebut mungkin terbatas oleh keperluan kerahsiaan perniagaan.

### Piawaian Etika dan Profesional bagi Penyedia Semakan Luaran

Selari dengan takrifan di atas, pelbagai firma mampu menyediakan khidmat semakan luaran. Sesetengah aktiviti firma ini dirangkumi dengan jelas oleh piawaian profesional dan/atau pengawalseliaan; contohnya firma perakaunan dan agensi penarafan kredit yang dikawal selia, manakala yang lainnya tidak. Pada umumnya, semua firma yang menyediakan khidmat semakan luar hendaklah berpandukan lima prinsip etika dan profesional asas berikut:

1. Integriti
2. Objektiviti
3. Kompetensi dan Ketelitian Profesional yang sewajarnya
4. Kerahsiaan
5. Tingkah laku Profesional

Sesetengah penyemak luaran mungkin sudah tertakluk kepada piawaian profesional sedia ada (sebagai contohnya akauntan profesional) dan/atau tertakluk kepada rejim kawal selia (contohnya agensi penarafan kredit yang dikawal selia), yang mana telah merangkumi kebanyakan matlamat Garis Panduan sukarela ini.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai piawaian profesional perkhidmatan jaminan dan kod tingkah laku industri yang perlu dipatuhi oleh penyedia semakan luaran, di mana relevan, sewaktu mereka memberikan perkhidmatan kepada penerbit Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari. Sebagai contohnya, penyedia semakan luaran hendaklah, secara khususnya, mempertimbangkan keberkaitan [Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional](#) dengan perhatian khusus kepada Seksyen 4B – Kebebasan bagi Tugasan Jaminan selain daripada Audit dan Tugasan Semakan; [Piawaian Pengesahan](#) yang diterbitkan oleh American Institute of Certified Public Accountants (AICPA); [ISAE 3000 \(Disemak\)](#); [Tugasan Jaminan Selain daripada Audit atau Semakan Maklumat Kewangan Lampau](#); [Buku Panduan IESBA bagi Kod Etika Akauntan Profesional, Seksyen 291 – Kebebasan – Tugasan Jaminan Lain](#); dan [Kod Etika Tingkah Laku Profesional AICPA \(Kod AICPA\)](#). Turut berkaitan ialah piawaian yang disediakan oleh [ISO 9001](#) dan [ISO 14065](#), serta perakuan daripada [Association for Responsible Investment Services \(ARISE\)](#).

## Penyusunan dan Kandungan Semakan Luaran

---

Bergantung pada jenis semakan luaran yang disediakan, adalah disarankan supaya semakan luaran mengesahkan kesejajaran dengan empat komponen teras Prinsip-Prinsip, dan supaya templat yang disediakan di Pusat Sumber Prinsip-Prinsip dilengkapkan sebagai satu ciri seragam laporan mereka.

Sewaktu menyediakan semakan luaran bagi Bon Hijau, Bon Sosial dan Bon Lestari, penyedia semakan luaran hendaklah memastikan bahawa mereka:

1. Mempunyai struktur organisasi, tatacara kerja dan lain-lain sistem yang berkaitan untuk menjalankan semakan luaran.
2. Mengambil kakitangan yang bersesuaian, berpengalaman dan berkelayakan untuk skop semakan luaran yang ditawarkan.
3. Sekiranya berkaitan, perlindungan insurans indemniti/liabiliti profesional.

Pada minimumnya, penyemak luaran hendaklah memasukkan atau menyatakan di mana maklumat berikut boleh didapati:

1. Penerangan umum mengenai objektif, skop kerja dan kelayakan penyedia semakan luaran.
2. Kenyataan mengenai dasar kebebasan dan percanggahan kepentingan.
3. Takrifan, kaedah analitis dan/atau metodologi yang digunakan.
4. Kesimpulan atau hasil laporan semakan luaran termasuk sebarang batasan ke atas semakan luaran tersebut.

Bergantung pada jenis semakan luaran yang disediakan, (iaitu Pendapat Pihak Kedua, pengesahan, perakuan atau pemarkahan/penarafan Bon Hijau, Bon Sosial atau Bon Lestari), penyemak luaran hendaklah:

1. Mempunyai kepakaran dalam kategori bon hijau dan bon sosial yang layak.
2. Menilai manfaat alam sekitar dan/atau sosial dan impak yang disasarkan oleh Projek Hijau dan/atau Sosial yang layak
3. Mengesahkan/ membuat semakan ke atas kesejajaran dengan empat komponen teras Prinsip.
4. Di mana relevan, menilai potensi risiko yang signifikan terhadap alam sekitar dan/atau sosial yang berkaitan dengan Projek, yang dikenal pasti oleh penerbit.

## Penzahiran bagi Semakan Luaran

---

Prinsip-Prinsip menyarankan supaya semakan luaran disediakan untuk orang awam di laman sesawang penerbit bon dan/atau melalui sebarang saluran komunikasi lain yang boleh diakses sebagaimana sesuai sebelum atau pada waktu terbitan. Ia juga menyarankan supaya templat semakan luaran disediakan secara dalam talian di [Pusat Sumber Prinsip-Prinsip<sup>1</sup>](#).

## Penyumbang

---

Garis panduan ini adalah secara sukarela dan telah dibangunkan melalui proses kolaborasi dan konsultatif dengan penyemak luar yang menerajui pasaran. Bagi senarai penuh organisasi ini, sila lihat <https://www.icmagroup.org/green-social-and-sustainability-bonds/>.

---

<sup>1</sup> Atas permintaan oleh penerbit atau penyemak luaran, pendapat boleh dikeluarkan daripada Pusat Sumber Prinsip-Prinsip jika ia dianggap tidak lagi sah atau maklumat tersebut sudah lapuk.